

## Peranan Wakaf dalam Pembangunan Sosioekonomi: Analisis ke atas Projek Bazar Wakaf Rakyat Terpilih

The Role of Waqf towards the SocioEconomic Development: Analysis on “Bazar Wakaf Rakyat” Projects

FARHANA MOHAMAD SUHAIMI  
ASMAK AB RAHMAN

### ABSTRAK

*Artikel ini menerangkan mengenai projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) yang merupakan salah satu projek pembangunan wakaf di bawah Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). Tujuan projek BWR adalah untuk membangunkan aset wakaf berupa tanah di samping, menjana pendapatan daripada aset wakaf. Pembangunan projek BWR di kawasan masjid bertujuan membangunkan sosioekonomi masyarakat setempat. Kajian yang berbentuk kualitatif ini mengguna pakai maklumat dari temu bual sebagai sumber primer dan dokumen-dokumen relevan sebagai sumber sekunder. Ianya melibatkan suatu kajian yang dilakukan ke atas lima buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor dan Kelantan. Kajian ini mensasarkan 3 objektif. Pertama, ianya mengkaji prinsip dan pelaksanaan projek BWR di bawah Yayasan Wakaf Malaysia. Kedua, ianya mengenalpasti impak pelaksanaan projek BWR tersebut ke atas ekonomi masyarakat setempat. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati projek BWR ada menyumbang kepada aspek ekonomi masyarakat setempat dalam 3 bentuk. Pertama, projek BWR berjaya memanfaatkan sumber tanah secara optimum. Ianya turut menggalakkan aktiviti ekonomi masyarakat, menjana hasil serta mewujudkan peluang pekerjaan. Projek BWR juga dilihat telah memberi kebaikan kepada masyarakat setempat apabila hasil pendapatan yang diperolehi oleh pihak pengurusan masjid digunakan semula untuk kepentingan awam antaranya untuk penyelenggaraan masjid dan pengajuran aktiviti kerohanian dan kemasayarakatan untuk kemaslahatan awam dan negara.*

*Kata kunci: Wakaf; bazar wakaf; ekonomi wakaf; wakaf tunai; Yayasan Waqaf Malaysia*

### ABSTRACT

*This article examines Bazar Wakaf Rakyat (BWR) projects developed by Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). The purpose of the BWR projects is to develop waqf lands as well as generate income from waqf assets. The development of BWR projects in the mosque area aims at developing the socioeconomic of the local community. The qualitative study uses informations from interviews as its primary source and relevant documents as its secondary sources. It involves a study conducted at five states in Peninsular Malaysia namely Penang, Selangor, Federal Territory, Johor and Kelantan. This study aims at 3 objectives. Firstly, it analyses the principles and implementations of BWR projects under the Yayasan Waqaf Malaysia. Secondly, it identifies the impact of its implementation on the economy of the local community. This study finds that BWR projects do contribute towards the economy of the local society in 3 ways. First of all, BWR projects optimise the use of land resources. They also stimulate economic activities in the society, generate productions and create new job opportunities. BWR projects are also seen to be beneficial to the local community when the revenue generated by the mosque management is reused for public interest such as maintenance of the mosque and organization of spiritual and community activities for the interests of public and country.*

*Keywords: Waqf; waqf bazar; economic of waqf; cash waqf; Yayasan Waqaf Malaysia*

### PENGENALAN

Matlamat utama pembiayaan awam sesebuah negara adalah bertujuan memastikan pembangunan ekonomi terlaksana dalam negara. Rakyat mendapat faedah apabila peluang pekerjaan dan penjana pendapatan diwujudkan apabila kerajaan menjalankan fungsinya

dengan merangsang peluang ekonomi dalam negara. Ini penting memandangkan kemampuan individu untuk mendapatkan keperluan asas adalah komponen utama dalam peningkatan kesejahteraan hidup manusia selain daripada memelihara maruah diri, kebebasan memilih dan membangunkan kerohanian masing-masing. Kerajaan juga mendapat faedah

daripada peluang ekonomi yang wujud, apabila dapat menjana hasil sama ada menerusi pulangan pelaburan secara langsung, mahupun menerusi hasil cukai.

Keperluan kepada perkhidmatan dan infrastruktur untuk pembangunan masyarakat akan sentiasa meningkat, justeru bagi menampung perbelanjaan menyediakan keperluan tersebut, kerajaan perlu meningkatkan hasil antaranya dengan memastikan penggunaan sumber dalam negara digunakan secara optimum dan mempelbagaikan sumber hasil. Dalam ekonomi Islam, selain cukai dan zakat, wakaf juga berpotensi menyumbang kepada pembiayaan awam. Ini dibuktikan dengan sejarah Islam, wakaf telah membantu kerajaan dalam membiayai kemudahan dalam aspek pendidikan, pembangunan ekonomi dan kesihatan. Sifat wakaf mempunyai ketahanan jangka panjang untuk dimanfaatkan, tidak boleh dipindah milik menerusi jual beli, warisan atau pemberian menjadikan wakaf sebagai “aset masyarakat” yang boleh dinikmati oleh semua orang dan dapat bertahan untuk generasi mendatang sekiranya dipelihara dengan sebaiknya.

#### LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

Wakaf bermaksud menahan harta yang boleh diambil atau diguna manfaat daripadanya dengan mengekalkan ‘ain (fizikal) harta yang diwakafkan dan memutuskan hak pengurusan pewakaf ke atas harta tersebut. Hasil daripada harta yang diwakafkan disalurkan untuk tujuan kebajikan dan mendekatkan diri kepada Allah.

Pensyariatan wakaf dirujuk daripada sebuah hadith yang mana Umar r.a telah bertanya kepada Nabi Muhammad s.a.w mengenai perkara yang seharusnya dilakukan ke atas sebidang tanah yang amat bernilai yang dimilikinya. Hadith ini telah menerangkan bahawa antara amalan terbaik adalah mewakafkan harta dan mendedekahkan hasil wakaf tersebut. Hadith ini juga menjelaskan prinsip wakaf utama iaitu harta yang diwakafkan tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan (hibah) serta tidak boleh diwariskan.

Mafhumnya: Daripada Nāfi’, daripada Ibnu Umar telah berkata: “Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau bertanya pada Rasulullah s.a.w; “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah mendapatkan sebidang tanah di Khaibar, satu harta yang tidak pernah kudapat sama sekali yang lebih baik bagiku selain tanah itu, lalu apa yang dikau perintahkan ke atasku padanya?” maka jawab Baginda s.a.w, “Jika engkau hendak, tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkanlah manfaatnya”, lalu Umar menyedekahkannya dengan syarat

tanah itu tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan. Sedangkan hasilnya disedekahkan buat kepentingan fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba sahaya, kepentingan di jalan Allah, Ibnu Sabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya yakni Nazir) untuk memakan daripadanya dengan cara yang makruf dan tidak berlebihan (menggambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar). (Bukhari, t.t)

Wakaf adalah satu mekanisme kebajikan yang sangat digalakkan oleh Islam. Wakaf merupakan salah satu amalan sedekah jariah iaitu sedekah yang mempunyai ganjaran pahala yang berterusan selagi mana harta atau manfaat daripada harta yang diwakafkan digunakan untuk tujuan kebaikan, sepertimana hadis Nabi Muhammad s.a.w. dalam Sahih Muslim.

Mafhumnya: Daripada Abū Hurairah r.a telah berkata, bahawasanya Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Apabila telah mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara ; sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan doa dari anak yang soleh”.

Wakaf terdiri daripada empat rukun iaitu pewakaf (*al-waqif*), harta yang diwakafkan (*al-mawquf*), penerima manfaat wakaf (*al-mawquf ‘alaih*) dan pernyataan wakaf atau ikrar (*al-sighah*). Secara umumnya, wakaf dibahagikan kepada tiga jenis wakaf yang utama iaitu wakaf am, wakaf khas dan wakaf musytarak. Wakaf am bermaksud harta yang diwakafkan untuk masalah umum. Wakaf khas pula bermaksud harta yang diwakafkan untuk tujuan yang khusus atau diwakafkan kepada penerima yang telah ditentukan oleh pewakaf. Faedah wakaf bukan hanya terhad kepada ganjaran yang berterusan kepada pewakaf, tetapi ia juga merupakan manfaat atau kebaikan yang besar dalam memudahkan dan mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Di Malaysia, amalan wakaf telah berkembang meluas melihatkan kepada jumlah keseluruhan tanah wakaf yang besar iaitu sebanyak 11,091.82 hektar. Dari sudut perundangan di Malaysia, perkara berkaitan wakaf terkandung dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Wakaf disenaraikan di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

“... Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan...wakaf Islam dan ta’arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perantukan pemegang-pemegang amanah dan nan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah,

khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri;..”

Wakaf merupakan salah satu aspek harta keagamaan dan diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia. Setiap negeri pula mempunyai sistem pentadbiran wakaf yang tersendiri yang tertakluk bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing.

Justeru, setiap negeri mempunyai bahagian atau jabatan khusus yang menguruskan harta wakaf bawah Majlis Agama Islam di negeri masing-masing. Contohnya, sebagaimana dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 89 yang menyebut seperti berikut.

“Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah. Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal—semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas; semua nazr am; dan segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, bagi apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr ‘am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Selangor.

Di peringkat persekutuan, jabatan khas iaitu Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) diwujudkan bagi menyelaraskan dan menggalakkan pembangunan harta wakaf secara tersusun di seluruh negara dan menjana potensi ekonomi yang tinggi untuk manfaat masyarakat. Penubuhan YWM juga adalah bertujuan

mengembleng sumber wakaf menerusi kerjasama yang harmoni dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) ini.

Antara salah satu bentuk kerjasama antara Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) adalah projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR). Projek ini merupakan Projek Kecil Berimpak Besar yang telah dilancarkan oleh YWM pada tahun 2010 menerusi biaya daripada Kerajaan Persekutuan Malaysia berjumlah RM20 juta. Projek BWR diwujudkan untuk membangunkan wakaf perniagaan atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam kawasan masjid. BWR adalah bazar satu tingkat dengan unit-unit teres bersebelahan. Keluasan tiap unit bertutup ialah antara 150 sehingga 200 kaki persegi dan sesuai untuk perniagaan kecil-kecilan dan dilengkapi struktur berbumbung, pembetulan air serta meter elektrik yang berasingan dari masjid. Projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) dipilih sebagai ikon Projek Kecil Berimpak Besar bagi membuka minda masyarakat mengenai potensi wakaf.

YWM berperanan sebagai pengurus projek BWR. Projek BWR yang didirikan atas aset wakaf, iaitu tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) manakala dana pembangunan projek BWR disediakan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi JAWHAR. BWR yang siap dibina kemudiannya diserahkan kepada MAIN. MAIN akan menguruskannya sendiri atau diserahkan kepada masjid yang berkenaan. Pemilihan penyewa BWR di kalangan masyarakat setempat adalah diuruskan oleh MAIN dan pihak pengurusan masjid.



RAJAH 1. Pelaksanaan projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR)  
Sumber: Kajian lapangan

Lokasi projek BWR adalah dalam kawasan masjid atau tanah wakaf yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi berserta adanya akses ke jalan raya utama. Di samping membangunkan projek wakaf, tujuan projek ini adalah untuk mengimarlah masjid sebagai pusat aktiviti komuniti selain daripada berfungsi sebagai tempat ibadah.

Daripada 170 buah lokasi cadangan tapak projek, sebanyak enam puluh sembilan buah lokasi Projek BWR dan Wakaf Mart telah dipilih daripada seluruh Malaysia. Projek BWR yang pertama adalah di Negeri Selangor dan diikuti oleh Negeri Johor, iaitu pada tahun 2010. Pahang dan Kedah merupakan negeri yang mempunyai lokasi projek BWR paling banyak iaitu lapan lokasi dengan masing-masing mempunyai empat puluh dua dan tiga puluh satu buah unit bazar wakaf. Diikuti dengan negeri Johor sebanyak tujuh lokasi dengan tiga puluh dua buah unit bazar. Manakala negeri Terengganu mempunyai lokasi projek BWR paling sedikit iaitu dua lokasi, namun menempatkan sebanyak dua puluh tiga buah unit bazar wakaf.

JADUAL 1. Jumlah unit Bazar Wakaf Rakyat (BWR) mengikut negeri

Negeri	Unit
Kedah	31
Kelantan	20
Wilayah Persekutuan	20
Negeri Sembilan	17
Pahang	42
Perak	27
Perlis	27
Pulau Pinang	20
Terengganu	23
Melaka	11
Johor	32
Sabah	22
Selangor	24
Jumlah	316

Sumber: Diubah suai daripada Yayasan Waqaf Malaysia. 2014. Bazar. <https://www.ywm.gov.my/projek/dana/bazar> [12 Ogos 2014].

Selain memanfaatkan tanah wakaf dan mengimarlah masjid sebagai pusat aktiviti komuniti, matlamat utama pembinaan BWR adalah untuk membangunkan sosio-ekonomi masyarakat setempat. Oleh yang demikian, YWM telah meletakkan sasaran penyewa bagi BWR adalah kepada masyarakat setempat. Pemilihan

penyewa diserahkan kepada MAIN. Keutamaan sewaan diberikan kepada asnaf yang berdaya maju, usahawan mahu pun siswazah menganggur yang terdiri dari kalangan ahli kariah masjid berkenaan (Abdul Halim Mat Yusop & Maya Idura Sabar 2013).

## ULASAN LITERATUR

Wakaf memainkan peranan dalam masyarakat menerusi pembangunan pendidikan dan kerohanian, pembangunan ekonomi dan juga kebajikan. Ketiga-tiga aspek ini saling berhubung antara satu sama lain dalam memberi impak yang positif terhadap pembangunan masyarakat setempat.

Peranan wakaf dalam aspek pembangunan pendidikan dan kerohanian, telah dinyatakan antaranya Ahmad Zaki Ibrahim (2009), Narsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf (2009) dalam kajian mereka. Penulis-penulis ini menyebut institusi wakaf telah berjaya pada zaman kegemilangan Islam dahulu, sehingga dapat menjadikan harta wakaf sebagai sumber pembiayaan pembangunan terutamanya dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. Masjid dan madrasah yang diwakafkan digunakan sebagai institusi pendidikan selain untuk aktiviti keagamaan. Ahmad Zaki Abd Latif et al. (2008) juga mengemukakan beberapa contoh pusat pengajian yang masih ada sekarang ini yang telah melahirkan ribuan ulama' di seluruh dunia, hasil daripada pembiayaan harta wakaf. Di antaranya ialah Universiti Cordova di Andalus, al-Azhar di Mesir, Madrasah Nizamiyah di Baghdad, Universiti Islam Indonesia, Pondok Pesantren Darunnajah di Indonesia, Madrasah Al-Junied di Singapura, al-Jamiah al-Islamiah di Madinah dan lain-lainnya.

Dalam aspek pembangunan ekonomi, antara impak positif yang diperolehi daripada wakaf, dapat dibahagikan seperti berikut:

1. Memanfaatkan sumber wakaf (tanah dan bangunan) daripada disia-siakan atau terbiar
2. Menjana atau mengeluarkan hasil baharu daripada aset wakaf
3. Hasil dijana digunakan untuk pelbagai projek lain
4. Menjana pendapatan kepada sumber manusia
5. Mewujudkan peluang pekerjaan

Menerusi wakaf, sumber dan aset seperti tanah dan bangunan yang diwakafkan digunakan dan dimanfaatkan berbanding dibiarkan, tidak digunakan atau disia-siakan. Monzer Kahf menyebut

bahawa aset wakaf digunakan bagi menawarkan perkhidmatan boleh guna seperti masjid, sekolah, hospital dan rumah perlindungan anak yatim (Monzer Kahf 1998). Menurut Roded ke atas 104 harta wakaf di Mesir, harta wakaf yang terletak di kawasan bandar-bandar terdiri daripada kedai-kedai komersil, rumah kedai, flat dan rumah manakala, di kampung-kampung merupakan tanah pertanian, kebun dan dusun (Ruth Roded 1989). Di Malaysia, harta wakaf digunakan sebagai tanah perkuburan, masjid dan surau, institusi pendidikan seperti madrasah dan pondok, institusi kesihatan, tujuan pertanian, rumah kedai, perumahan dan tujuan lain (Farhana et al. 2014; Farhana & Asmak 2018).

Wakaf juga berupaya menjana hasil baharu daripada aset yang diwakafkan. Donna, D. R. & Mahmudi dan Pirasteh & Abdolmaleki berpendapat wakaf boleh dijadikan sebagai pelaburan, dengan menghasilkan barangan dan perkhidmatan untuk pasaran, yang mana janaan pendapatan daripada pelaburan tersebut diberikan kepada benefisiari (penerima sumbangan wakaf) (Zuki, M. S. M. 2012). Sebagai contoh hasil wakaf secara langsung adalah hasil yang diperolehi daripada harta yang diwakafkan iaitu bayaran tempat mandi awam yang telah diwakafkan dan bayaran sewa daripada kilang yang diwakafkan (Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper 2007). Di Malaysia, hasil wakaf diperolehi antaranya menerusi sewaan dan pajakan aset wakaf. Harta wakaf disewakan atau dipajakkan sama ada kepada individu, syarikat atau badan kerajaan. Kadar sewaan dan pajakan harta wakaf adalah mengikut penilaian Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi negeri masing-masing. Tempoh pajakan biasanya adalah lebih panjang berbanding tempoh sewaan. Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) sebagai contohnya berjaya menjana hasil dan mengagihkan manfaat sewaan aset wakaf berjumlah RM272,775.65 bagi tahun 2011 sehingga 2013 (Farhana & Asmak 2018).

Selain itu, impak positif yang diperolehi daripada wakaf, adalah hasil yang dijana daripada aset wakaf juga berupaya membiayai pelbagai projek dan program lain. Sebagai contohnya di Malaysia, WANCorp telah ditubuhkan bertujuan menguruskan aset dan saham syarikat kumpulan Johor Corporation (JCorp) yang diwakafkan. Jumlah keseluruhan manfaat agihan yang telah diserahkan oleh WANCorp bagi tahun 2006 sehingga 2009 direkodkan adalah RM2,786,169.7450 kepada fisabillah dan RM557,566.005 kepada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Selain berjaya menubuhkan

Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) dan Hospital Waqaf An-Nur (HWAN), WANCorp turut memantau sepuluh buah masjid, tiga buah surau jumaat dan dua puluh dua buah surau, menyediakan pemberian bantuan kewangan “Waqaf Dana Niaga” (WDN), penubuhan briged wakaf serta mewujudkan Waqaf Dana Mutawwif sebagai bantuan permulaan untuk perniagaan. WANCorp turut menubuhkan pusat kemahiran jahitan yang menyasarkan ibu tunggal bagi melatih mereka untuk menjana pendapatan agar dapat menaiktaraf kehidupan mereka (Farhana & Asmak 2019).

Cengiz Toraman, Berdiye Tuncsiper dan Cizacka mendapati wakaf juga berupaya mewujudkan peluang pekerjaan. Cizacka telah memetik kajian Bilici mendapati kadar pekerjaan yang diwujudkan menerusi wakaf di Turki adalah 8.23 peratus, 12.68 peratus pada tahun 1931 dan 0.76 peratus pada tahun 1990. Walaupun melihatkan penurunan kadar penawaran pekerjaan daripada sektor wakaf, namun dalam kajian terbaru kadar ini tidak termasuk 30,000 pelbagai perniagaan persendirian dan pembekal skala kecil yang beroperasi di premis wakaf, serta 10,000 orang yang bekerja di institusi wakaf yang baru dibangunkan (Murat Çizakça 2000). Wakaf menyediakan pekerjaan kepada pelbagai sektor ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Sektor kesihatan contohnya, doktor, pakar bedah, pakar mata, ahli farmasi, jururawat, tukang masak, tukang bersih serta pengawal dapat diwujudkan antaranya di Hospital Al-Nuri di Damsyik, Hospital ‘Adudi serta Hospital Fatih, Turki (Abattouy, Mohammed & Al-Hassani, Salim T S. 2014; Ezzat Abouleish 1979; Nur Ainul Basyirah Alias & Ermy Azziaty Rozali 2017). Manakala dalam sektor pendidikan, tenaga pengajar seperti pensyarah, guru, readers, pustakawan dan sebagainya diperlukan (M. Jandra Moh. Janan, 2008; Timur Kuran, 2001). Manakala, contoh semasa di Malaysia, lima puluh orang mutawif baharu menerusi Waqaf Dana Mutawwif dan lima puluh orang ibu tunggal menerusi pusat kemahiran jahitan WANCorp berjaya dilatih untuk memulakan perniagaan mereka dan menjana pendapatan baharu (Farhana & Asmak 2018).

Kesimpulannya, wakaf mempunyai kesan yang signifikan dalam ekonomi menerusi fungsinya dalam menggalak penggunaan sumber dan aset, menjana pendapatan, serta mewujudkan peluang pekerjaan. Malah, menerusi penjanaan pendapatan daripada aset wakaf, pelbagai projek atau aktiviti lain turut berpotensi dibangunkan. Peranan wakaf dalam ekonomi juga berupaya mengurangkan perbelanjaan

dan penglibatan kerajaan dalam ekonomi, mengelakkan kewangan defisit dan mengurangkan kadar bunga, memulihkan agihan pendapatan dan kekayaan dalam masyarakat, membasmi kemiskinan dan mempergiatkan aktiviti ekonomi (Mochammad Arif & Dimas Bagus 2011). Nik Mustapha Nik Hassan (1999), Asmak Ab Rahman (2009) dan Farhana et al. (2014) mendapati wakaf berupaya menggerakkan kegiatan ekonomi masyarakat setempat. Di Malaysia, wakaf menyediakan premis perniagaan dan bangunan komersil sama ada di atas tanah yang diwakafkan atau menerusi pembelian aset wakaf. Dengan menyediakan fasiliti perniagaan, masyarakat, berpeluang mendapatkan kadar sewa yang lebih berpatutan, memperkembangkan perniagaan bumiputera Islam dan mengurangkan pergantungan daripada sumber kewangan yang lain.

## METODOLOGI

Data primer bagi kajian ini diperoleh menerusi temu bual untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Kaedah temu bual memberi kelebihan dalam mendapatkan maklumat kajian yang lebih terperinci di samping memberi ruang untuk penyelidik memeriksa maklumat secara terus daripada responden. Kaedah temubual yang dijalankan adalah secara bersemuka dengan responden dan berbentuk separa berstruktur. Selain data primer, data sekunder juga digunakan sebagai sumber pengumpulan data kajian ini. Sumber kajian didapati daripada laporan yang telah diterbitkan dan maklumat daripada institusi wakaf seperti JAWHAR, YWM dan MAIN selaku badan-badan yang menguruskan pelaksanaan projek wakaf. Selain itu, sumber daripada jurnal, tesis, buku berkaitan ekonomi dan wakaf juga dijadikan rujukan kajian.

Kajian ini telah menemu bual responden yang terdiri daripada pemegang amanah wakaf dan penyewa Projek Berimpak Besar. Bagi pemegang amanah wakaf, kajian ini telah memilih pegawai bahagian wakaf di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan pegawai Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) sebagai responden kajian. Ini kerana wakaf merupakan perkara kehartaan yang tertakluk dalam hal ehwal orang Islam terletak bawah bidangkuasa JAWHAR bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal Agama Islam di Malaysia di peringkat persekutuan dan MAIN mewakili Sultan di peringkat negeri. Kajian ini juga telah menemu bual Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) yang merupakan

pengurus Projek Berimpak Besar. Pemilihan kawasan kajian bagi Projek Bazar Wakaf Rakyat dibahagikan mengikut zon negeri iaitu, kawasan utara, timur, barat, selatan dan Wilayah Persekutuan. Daripada tiga belas buah negeri yang membangunkan Bazar Wakaf Rakyat, kajian ini memilih sebuah negeri atau wilayah bagi setiap zon. Kemudiannya, kajian ini memilih projek BWR yang terletak dalam kawasan masjid yang aktif menjalankan program sama ada program kerohanian dan kemasyarakatan sebagai subjek kajian. Responden kajian juga adalah terdiri daripada ahli jawatankuasa pengurusan masjid yang mana projek BWR berada dalam kawasan masjid tersebut dan penyewa BWR.

Bagi menganalisis data primer yang telah diperoleh melalui temu bual, kaedah analisa kandungan digunakan. Penulis menganalisa maklumat secara tekstual dan mengenal butirannya secara sistematik seperti kemunculan perkataan tertentu, tema atau ayat. Data temu bual ditranskripiikan dalam format analisis tekstual menggunakan komputer. Kemudiannya, jawapan dibahagikan mengikut tema persoalan kajian dan dianalisis.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Di Pulau Pinang, sebanyak dua puluh buah unit BWR yang telah didirikan di empat buah lokasi, dengan jumlah lima buah unit di setiap lokasi. Salah satu lokasinya adalah di Masjid At-Taqwa yang telah didirikan sebanyak lima unit BWR dan telah diserahkan pada 22 Disember 2011. Antara perniagaan yang dijalankan di unit-unit tersebut adalah barangan runcit, kedai makan, kedai menjahit pakaian dan kedai buku dan alat tulis. Pemilihan penyewa dilakukan secara tender terbuka dan dikhususkan kepada anak kariah sahaja. Lokasi masjid yang bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bertam Indah, Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Bertam Indah, berdekatan dengan Kolej Komuniti Kepala Batas, taman perumahan Bertam Indah dan premis perniagaan lain turut menyebabkan kedai-kedai di BWR sering dikunjungi masyarakat setempat (Abdul Rahman Abdullah 2014).

Di Selangor pula, sebanyak dua puluh empat buah unit BWR telah dibina di lima buah lokasi dan mula beroperasi pada tahun 2010. Keutamaan penyewa adalah di kalangan orang beragama Islam dan golongan asnaf. Antara jenis perniagaan yang dijalankan di BWR tersebut di Selangor adalah

menjual barangan runcit, pakaian, kasut, keperluan ibadah, makanan dan minuman, produk kesihatan, perkhidmatan takaful, dobi layan diri, kedai menjahit pakaian, alat tulis dan percetakan dan kedai cermin mata. Antara lokasi BWR di Selangor adalah di Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi. Lima unit BWR ini menjalankan pelbagai perniagaan seperti kedai pakaian dan keperluan ibadah, produk kesihatan makanan herba, perkhidmatan takaful, dan kedai makan. Kedudukan BWR Masjid Al-Hasanah berdekatan dengan pagar masjid utama dan bersebelahan dengan jalan utama menjadikan lokasinya strategik dan mudah diakses oleh orang ramai. Tambahan pula dengan kemudahan meletak kenderaan yang luas dalam kawasan masjid dan lokasinya yang terletak di tengah bandar, sering menjadi tumpuan orang ramai sepanjang waktu sama ada pengunjung daripada masyarakat setempat mahu pun yang sedang bermusafir (Mohd Huzairi Hamdan dan Shahrul Ashraf Jamaludin 2013).

Projek BWR sekitar Wilayah Persekutuan telah dibina di enam buah lokasi masjid dan diserahkan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Walau bagaimanapun hanya dua buah lokasi sahaja yang telah beroperasi sepenuhnya iaitu Masjid Abd Rahman bin Auf, Puchong dan Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati (Mohd Azrul Ismail 2014). Kedudukan BWR Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati hanya menempatkan dua buah unit kedai, berada di tepi pintu pagar masjid dan bersebelahan jalan utama. Sebuah kedai menjalankan perniagaan menjual barangan solat dan peralatan jenazah manakala sebuah kedai lagi menjalankan perniagaan kedai makanan. Keutamaan penyewa adalah masyarakat Islam, golongan asnaf, dan masyarakat setempat. BWR Masjid Al-Muttaqin juga dilengkapi dengan pintu pejalan kaki memberi kemudahan kepada pengunjung yang berkunjung ke BWR tersebut. Pada waktu tengahari, kawasan dalam masjid kelihatan ramai pengunjung yang datang menjamu selera sama ada dari luar masjid, mahu pun guru dan pelajar sekolah agama yang berada dalam kawasan masjid.

Projek BWR di Johor telah didirikan di tujuh buah lokasi dengan jumlah keseluruhan BWR adalah sebanyak tiga puluh dua buah unit. Mula dibangunkan pada tahun 2011, projek ini kemudiannya diserahkan pengurusannya kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ). Kadar sewaan adalah ditetapkan berdasarkan lokasi premis dan kadar yang ditetapkan oleh MAIJ adalah amat berpatutan memandangkan pihak pengurusan wakaf turut mengambil kira keadaan penyewa.

Keutamaan juga diberikan kepada penyewa yang dipilih mengikut kelayakan iaitu golongan asnaf, miskin dan ibu tunggal. Antara lokasi BWR di Johor adalah di Masjid Hajjah Mominbi yang terletak bersebelahan pagar masjid, berdekatan jalan utama dan kedudukannya menghala ke jalan utama. Pada awalnya BWR agak terlindung dengan pagar masjid, namun pihak pengurusan masjid telah melakukan pengubahsuaian pagar masjid bagi memudahkan pengunjung untuk berurusan di premis berkenaan. Terdapat lima buah unit BWR di masjid ini yang telah menjalankan perniagaan antaranya kedai mencuci pakaian, kedai alat tulis dan kedai menjahit baju. Sambutan daripada pengunjung bertambah memandangkan terdapat pintu pagar yang dibuka untuk pengunjung luar yang ingin berkunjung ke BWR dengan segera.

Manakala di Kelantan, sebanyak dua puluh buah unit BWR telah dibangunkan di empat buah lokasi dan telah diserahkan pada bulan Disember 2012. Antara perniagaan yang dijalankan di BWR Kelantan adalah rumah tamu, Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA), kedai peralatan jenazah dan ibadah, kedai runcit, kedai pakaian, kedai alat tulis & makan. Kriteria penyewa yang ditetapkan adalah kepada orang Islam dan golongan asnaf. Latar belakang agama turut diambil kira memandangkan premis berada di dalam kawasan masjid. Antara lokasi BWR di Kelantan adalah di Felda Chiku 1 dan Felda Chiku 7, Gua Musang, Kelantan (Shakirah Mohamad 2013). Pembinaan BWR tersebut terletak dalam kawasan masjid dan berhadapan dengan tempat meletak kenderaan bagi jemaah masjid. Kawasan masjid yang lapang memberikan kemudahan untuk pengunjung meletak kenderaan dengan lebih selesa, walaupun rata-rata penduduk dilihat lebih senang bergerak menggunakan motorsikal. Selain kemudahan papan tanda BWR Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), premis tersebut turut disediakan tandas khas, yang berasingan daripada kemudahan masjid bagi kemudahan pengunjung BWR.

Pelaksanaan projek BWR atas tanah wakaf telah memberi impak positif kepada pelbagai pihak, antaranya kepada pihak kerajaan yang diwakili YWM, pihak MAIN, masjid, serta masyarakat setempat. YWM berupaya melaksanakan peranannya dalam membangunkan aset wakaf produktif dan menjalinkan kerjasama dengan MAIN menerusi pelaksanaan projek BWR. Dari aspek ekonomi, projek BWR didapati berperanan dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi, seperti berikut.

#### MEMANFAATKAN SUMBER DAN ASET IAITU TANAH WAKAF

Pembinaan BWR yang mengambil sebahagian kawasan dalam kawasan masjid telah memanfaatkan penggunaan tanah wakaf dalam kawasan masjid. Berbanding sebelum pembinaan BWR, tanah tersebut digunakan sebagai tempat meletak kenderaan kepada pengunjung yang datang bersolat di masjid berkenaan. Keluasan pembinaan BWR yang hanya 150 sehingga 200 buah unit kaki persegi tidak mendatangkan kesulitan kepada para pengunjung untuk meletak kenderaan kerana masih terdapat kawasan tempat meletak kenderaan yang luas dalam kawasan masjid. Tambahan pula, YWM telah meninjau dan membuat penilaian terlebih dahulu kawasan pembinaan BWR terpilih sebelum projek BWR dijalankan. Pembangunan BWR sebagai premis perniagaan berbumbung juga dilengkapi dengan kemudahan asas pembentungan air dan meter elektrik (Abdul Halim Mat Yusop & Maya Idura Sabar 2013).

#### MENJANA ATAU MENGELUARKAN HASIL BAHARU DARIPADA ASET WAKAF

Pembinaan BWR yang menyediakan infrastruktur untuk peniaga kecil berniaga, telah menjana pendapatan kepada pihak pengurusan masjid. Hasil daripada sewaan BWR kepada peniaga, diuruskan oleh MAIN atau pihak pengurusan masjid.

Kadar sewaan BWR Masjid A antara RM300 hingga RM500 menjadikan jumlah hasil sewaan bulanan adalah RM1,700 dan RM20,400 setahun bagi lima buah unit BWR (Informan A1). Kadar sewaan setiap unit BWR di Masjid G adalah RM500 (Informan G1) manakala BWR di Masjid C dikenakan bayaran sewaan sebanyak RM1,000 setiap unit bagi setiap bulan (Informan C1). Perbezaan ini adalah berdasarkan keluasan, kedudukan dalam atau luar kawasan bandar serta lokasinya yang strategik.

Bagi Masjid B, kadar sewaan adalah RM300 setiap unit. Daripada jumlah sewaan BWR setahun, sebanyak lima belas peratus diberikan kepada MAIN sebagai yuran pengurusan. Daripada baki tersebut, sebanyak dua peratus, diperuntukkan untuk kos penyelenggaraan BWR dan jumlah selebihnya dibahagikan tiga puluh peratus kepada MAIN (untuk projek pembangunan wakaf lain), dan tujuh puluh peratus kepada pihak pengurusan masjid (Informan B2). Bagi Masjid D pula, MAIN telah menjana

pendapatan sebanyak RM1,500 sebulan dan RM18,000 setahun daripada sewaan BWR di Masjid D (Informan D1).

Manakala pihak pengurusan Masjid E berupaya menjana pendapatan tahunan sebanyak RM5,040 (Informan E1) dan RM2,160 bagi Masjid F (Informan F1). Hasil sewaan BWR dikumpulkan oleh bendahari Masjid F dan diuruskan sepenuhnya oleh pihak pengurusan masjid.

#### HASIL DIJANA DIGUNAKAN UNTUK PELBAGAI PROJEK LAIN

Hasil pendapatan sewaan BWR diperuntukkan untuk penyelenggaraan BWR dan bagi tujuan membangunkan harta wakaf yang lain, terutamanya hasil sewaan yang dikumpulkan oleh pemegang amanah wakaf negeri seperti PWS dan MAIJ. Manakala bagi pihak pengurusan masjid, hasil pendapatan sewaan BWR digunakan bagi menjalankan program pengimarahannya masjid, penyelenggaraan dan keperluan pengubah suaiannya masjid berkenaan.

Bagi Perbadanan Waqaf Selangor (PWS) selaku pengurus projek BWR di Selangor, hasil sewaan yang dikumpulkan daripada projek BWR dibahagikan untuk yuran pengurusan dan penyelenggaraan, dan bakinya dibahagikan antara PWS dan pihak pengurusan masjid. Hasil yang diperoleh PWS diperuntukkan untuk tujuan pembangunan harta wakaf yang lain di Selangor (Mohd Huzairi Hamdan dan Shahrul Ashraf Jamaludin 2013). Begitu juga Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) yang memperuntukkan hasil sewaan BWR bagi penyelenggaraan harta wakaf dan pembangunan harta wakaf yang lain di Johor (Mustafayuddin Abd Halim 2013).

Bagi pihak pengurusan Masjid A, hasil sewaan BWR yang diserahkan oleh MAIN digunakan bagi menjalankan program pengimarahannya masjid. Masjid A aktif mengadakan kuliah agama setiap hari dan program kemasyarakatan pada hujung minggu menjadikan kawasan masjid sering menjadi tumpuan masyarakat setempat. Selain BWR dan taman permainan kanak-kanak, pelbagai kemudahan lain sedang dibangunkan, antaranya adalah bilik kuliah, pusat dialisis, serta bilik musafir yang merupakan hasil sumbangan wakaf daripada orang ramai bagi menjana pendapatan kepada masjid (Informan A).

Pihak pengurusan Masjid B memperuntukkan hasil sewaan bagi tujuan penyelenggaraan masjid, selain menampung perbelanjaan sebahagian aktiviti



sosial dan kerohanian seperti ceramah dan aktiviti lain (Informan B). Pihak pengurusan Masjid C pula, memutuskan hasil sewaan projek BWR disatukan bersama pendapatan masjid yang lain dan digunakan bagi membayar bil utiliti masjid, membayar kos penyelenggaraan dan pengubahsuaian masjid serta menjalankan program pengimarahannya masjid serta program kemasyarakatan. Antaranya seperti program pengajian, Sambutan Hari Raya, Ihya' Ramadhan, Bantuan Asnaf, Sumbangan kepada Rumah Anak Yatim, Majlis meraikan anak kariah yang melanjutkan pelajaran ke luar negara dan yang mengerjakan fardhu Haji (Informan C). Bagi Masjid F, hasil sewaan tersebut telah digunakan untuk memperluaskan ruang solat untuk keselesaan para jemaah masjid (Informan F). Walaubagaimanapun bagi Masjid E, hasil sewaan yang dikumpulkan masih belum digunakan memandangkan masih tiada keperluan untuk menggunakannya (Informan E).

## MENJANA PENDAPATAN

Pembangunan BWR atas tanah wakaf milik masjid telah merangsang aktiviti ekonomi di dalam kawasan masjid. Dilihat daripada pandangan positif, kewujudan BWR bukan sahaja menjana pendapatan kepada pemegang amanah tanah wakaf tersebut, bahkan turut memberi peluang buat peniaga kecil-kecilan untuk menjalankan perniagaan di lokasi yang strategik. Kedudukan BWR dalam kawasan masjid menjadikan BWR mempunyai pengunjung yang tetap iaitu jemaah masjid dan masyarakat setempat yang tinggal berdekatan masjid. Kemudahan tempat meletak kenderaan yang luas dalam kawasan masjid turut membantu memudahkan pengunjung untuk datang ke BWR. Pendapatan daripada hasil perniagaan di BWR adalah berbeza mengikut lokasi dan jenis perniagaan yang dijalankan. Secara purata pendapatan sebulan perniagaan di BWR seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Purata pendapatan perniagaan di BWR sebulan

Jenis perniagaan	Lokasi	
	Bandar	Luar bandar
Makanan	RM1,800 - RM 2,000	Dijual secara sampingan
Menjual / Menjahit Pakaian	RM800 - RM2,500*	<RM500 - RM700*
Alat tulis, buku	RM800 - RM 3,000	Dijual bersama barangan lain.

\*Musim perayaan

Sumber: Penyewa Bazar Wakaf Rakyat kawasan kajian lapangan.

Bersesuaian dengan keluasan BWR, perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan juga maju sebagai contoh Koperasi Qaryah dan kedai makan di Masjid A. Koperasi Qaryah Masjid A memasarkan produk industri kecil dan sederhana (IKS) Islam tempatan dan pelbagai produk dari negara Arab. Berikutan pertambahan jualan di koperasi yang telah menyewa dua unit kedai sedia ada, pihak pengurusan masjid telah melakukan kerja penambahan ruang di bahagian tepi bagi meluaskan ruang niaga. Dengan sokongan daripada pihak pengurusan masjid, Koperasi Masjid A telah berjaya meningkatkan jualan lebih kurang sepuluh sehingga dua puluh peratus selepas penambahan ruang dilakukan (Informan A).

## MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN

Lokasi BWR yang terpilih untuk dibina adalah lokasi yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi berserta adanya akses ke jalan raya utama. Oleh yang demikian, perniagaan yang dijalankan

berpotensi untuk maju dan berkembang. Daripada perniagaan yang dijalankan, peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, daripada enam buah lokasi BWR yang telah dikunjungi, sebanyak empat puluh sembilan peluang pekerjaan berjaya diwujudkan. Sebanyak dua belas orang pekerja di BWR Masjid A, sebelas orang pekerja di BWR Masjid B, lima orang pekerja di BWR Masjid C, sembilan orang pekerja di BWR Masjid D, sepuluh orang pekerja di BWR Masjid E dan dua orang pekerja di BWR Masjid F (Informan A, B, C, D, E dan F). Ini menjadikan secara puratanya, setiap unit BWR mempunyai dua orang pekerja yang terdiri daripada seorang tuan kedai dan seorang pembantu kedai melainkan kedai runcit dan kedai makan yang mempunyai lebih daripada seorang pembantu kedai.

Bagi sebahagian BWR yang lokasinya terletak di kawasan luar bandar, kewujudan BWR menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat malah ada MAIN yang amat mengalu-alukan usahawan muda untuk menyewa BWR di negeri

mereka memandangkan lokasi dan kadar sewaan yang amat berpatutan.

Pembinaan BWR atas tanah wakaf masjid memberi kebaikan kepada peniaga dan juga masyarakat setempat. Bagi peniaga, kadar sewa BWR adalah lebih rendah daripada harga pasaran terutamanya BWR yang terletak di kawasan masjid di tengah bandar. Ini memberi peluang kepada peniaga kecil untuk menyewa dan menjalankan perniagaan di lokasi yang strategik yang kebiasaannya mempunyai kadar sewa mahal. Kadar sewaan yang berpatutan ini membantu para peniaga mempunyai menyewa dan mempunyai lokasi perniagaan yang tetap. Ini turut membantu para peniaga mendapatkan pelanggan tetap dan memajukan perniagaan mereka. Tambahan lagi, apabila pihak pengurusan masjid aktif menganjurkan program dan aktiviti di masjid dapat menarik lebih ramai pengunjung ke kedai mereka setelah menghadiri program di masjid.

Bagi masyarakat setempat terutamanya jemaah masjid, pembinaan BWR memudahkan mereka menjalankan urusan harian apabila masjid dijadikan *one stop centre* bagi pelbagai urusan harian setelah mengerjakan solat. Bahkan, terdapat juga BWR yang terletak lebih dekat dengan kawasan perumahan berbanding dengan premis perniagaan lain. Ini turut memudahkan penduduk setempat untuk mendapatkan keperluan harian mereka.

#### SARANAN PEMERKASAAN PROJEK BAZAR WAKAF RAKYAT (BWR)

Sokongan dan bantuan kepada para peniaga yang baru memulakan perniagaan adalah penting, terutamanya peniaga di kalangan orang yang memerlukan seperti ibu tunggal, fakir miskin dan asnaf. Kekurangan sokongan dan bantuan kepada mereka akan menyebabkan mereka hilang semangat dan akhirnya berputus asa untuk meneruskan perniagaan mereka. Oleh yang demikian, bagi mencapai matlamat penubuhan premis BWR untuk membantu golongan yang memerlukan di samping memastikan BWR terus menjana pendapatan menerusi hasil sewaan, sokongan dan bantuan agar penyewa terus berjaya dalam perniagaan perlu dipertingkatkan.

Pertama, bantuan dalam bentuk modal dan kelengkapan perniagaan. Bagi golongan asnaf yang berkeelayakan, bantuan modal ini dapat dilaksanakan menerusi kerjasama YWM/MAIN dengan institusi zakat atau baitulmal negeri bagi meningkatkan taraf hidup golongan asnaf. Manakala bagi golongan lain,

usahasama antara YWM/MAIN dengan agensi lain memudahkan lagi peniaga di premis BWR untuk mendapatkan pinjaman antaranya seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM). Selain itu, kerjasama dengan Bank Rakyat atau Agro Bank bagi mendapatkan pinjaman mikro sebagai modal perniagaan untuk peniaga juga boleh diusahakan.

Kedua, bantuan dalam bentuk bimbingan perniagaan. YWM sebelum ini telah menganjurkan bengkel keusahawan kepada penyewa BWR. Usaha ini amat baik dan perlu diteruskan dengan menjalin kerjasama dengan pihak berkepakaran dalam membimbing usahawan di samping mempunyai matlamat yang sama untuk membangunkan usahawan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) sebagai contohnya. Bimbingan perniagaan dicadangkan untuk dilaksanakan dalam bentuk motivasi, program peningkatan kemahiran dan sokongan pembangunan perniagaan.

Sokongan pihak pengurusan masjid juga merupakan antara faktor penting bagi meningkatkan jumlah pengunjung premis BWR di kalangan jemaah mahupun masyarakat setempat. Aktiviti dan program di masjid berupaya menarik lebih ramai pengunjung ke BWR. Antara bentuk sokongan yang dicadangkan untuk pihak pengurusan masjid oleh peniaga premis BWR adalah penyusunan tapak niaga atau pameran ketika mengadakan program atau aturcara khas dalam kawasan masjid. Kedudukan tapak niaga atau pameran pihak luar yang lebih terancang dengan mengambil kira kedudukan BWR dapat membantu menarik pengunjung ke BWR juga.

Selain itu, inisiatif pihak pengurusan masjid dalam melaksanakan program atau kerjasama dengan BWR dapat membantu peniaga di BWR secara tidak langsung. Sebagai contohnya, menjalankan program sumbangan barang keperluan atau perkhidmatan percuma atau bersubsidi kepada orang yang memerlukan dengan kerjasama premis sekitar masjid termasuk premis BWR. Pakej sumbangan barangan keperluan atau perkhidmatan tersebut disediakan di premis BWR. Secara tidak langsung, car aini memudahkan para jemaah yang berminat untuk menyumbang melaksanakan hasrat ini dengan mudah dan yakin.

Kedudukan premis BWR turut memainkan peranan penting dalam menarik pengunjung ke kedai mereka. Bagi premis BWR yang dibina terlindung dengan pagar masjid sehingga menghalang orang luar menyedari kewujudan premis BWR dalam

masjid berkenaan, pihak pengurusan masjid adalah disarankan menjalankan pengubahsuaian pagar masjid agar premis BWR dapat dilihat dan mudah diakses walaupun pengunjung daripada luar masjid. Ini memandangkan, kerja mengubahsuaai pagar masjid adalah tidak tertakluk dalam peruntukan pembinaan Bazar Wakaf Rakyat. Sekiranya kos pengubahsuaian adalah tinggi dan pihak pengurusan masjid tidak berkemampuan untuk melaksanakan dalam tempoh segera, cadangan pembinaan laluan pintu pejalan kaki dari luar ke hadapan premis perniagaan juga membantu memudahkan pengunjung luar menyinggah ke premis BWR berkenaan.

Selain itu, bagi meningkatkan jualan di premis BWR, pihak penyewa premis BWR juga perlu melihat kepada waktu operasi BWR yang bersesuaian dengan aktiviti masyarakat setempat agar jumlah pengunjung dan jualan dapat ditingkatkan. Ini akan memberi hasil perniagaan yang lebih memberangsangkan. Selain itu, kaedah pengiklanan untuk mempromosikan perniagaan sama ada menerusi banner, bunting, flyers, pengiklanan menerusi facebook, twitter dan sebagainya. Langkah proaktif dengan menawarkan perkhidmatan penghantaran ke rumah kawasan berdekatan akan membantu meningkatkan jualan. Penyewa atau peniaga BWR juga boleh menubuhkan kumpulan sokongan peniaga BWR mengikut negeri, bertujuan berkongsi pengalaman serta tips perniagaan untuk memajukan perniagaan masing-masing di BWR. Sebagaimana yang dijalankan oleh peminjam pinjaman mikro di Grameen Bank dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) telah memanfaatkan sumber iaitu tanah secara optimum dengan wujudnya aktiviti ekonomi di atasnya. Tanah yang sebelum ini digunakan hanya sebagai tempat meletak kenderaan kini dibangunkan premis komersil yang mendatangkan hasil. Sebanyak dua puluh tujuh buah unit BWR telah dibangunkan daripada enam kawasan kajian. Jumlah keseluruhan hasil sewaan sebanyak RM168,521.40 setahun telah berjaya dijana dan empat puluh sembilan peluang pekerjaan telah diwujudkan daripada tanah wakaf berkenaan.

Selain itu, penyewa turut menjana pendapatan daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan di premis berkenaan antaranya kedai runcit, kedai makan, kedai menjual dan menjahit pakaian, kedai

alat tulis dan lain-lain. Malah, kadar sewa premis adalah lebih murah daripada harga pasaran. Justeru, peniaga (penyewa) di BWR mampu menyewa premis dan mempunyai lokasi perniagaan yang tetap. Malah, perniagaan dapat dijalankan di kawasan bandar dengan lokasi yang strategik, di samping, aktiviti-aktiviti di masjid yang membantu meningkatkan jualan dan peningkatan pelanggan tetap

Sehubungan dengan itu, projek Bazar Wakaf Rakyat ini dilihat telah membantu kerajaan dalam menjalankan fungsi kerajaan dalam ekonomi negara. Menerusi penggunaan sumber (tanah) yang cekap, meningkatkan guna tenaga menerusi penyediaan peluang pekerjaan, mengalakkan aktiviti ekonomi menerusi peluang penjana pendapatan dan menyediakan fasiliti untuk keperluan masyarakat. Projek ini juga dilihat telah memberi kebaikan kepada masyarakat setempat apabila hasil pendapatan yang diperoleh oleh pihak pengurusan masjid digunakan semula untuk kepentingan awam antaranya untuk penyelenggaraan dan pengubahsuaian masjid dan penganjuran aktiviti kerohanian dan kemasyarakatan untuk kemaslahatan awam dan negara.

Mengambil kira impak daripada pembangunan projek wakaf, pelaksanaan projek Bazar Wakaf Rakyat perlu diperluaskan dan dipelbagaikan memandangkan wakaf sewajarnya berperanan sebagai aset yang produktif untuk menyediakan fasiliti dan perkhidmatan demi memenuhi keperluan masyarakat. Penggunaan aset wakaf yang cekap dan terancang dapat merealisasikan objektif pewakaf dan meningkatkan imej pemegang amanah wakaf dengan sebaiknya. Ikon harta wakaf yang berjaya dibangunkan ini akan menarik lebih ramai penyumbang di kalangan ahli masyarakat dan meningkatkan keyakinan mereka untuk berwakaf dan bersama-sama menyumbang dalam pembangunan negara.

## RUJUKAN

- Abattouy, M. & Al-Hassani, S.T.S. 2014. The role of awqāf in developing Islamic civilisation: Definition, history, functions and articulations with society. Foundation for Science, Technology and Civilisation, UK.
- Khan, M.T. *Contribution of Islamic waqf in poverty reduction*. Kertas kerja, 30th AGM and Conference of the PSDE, Islamabad.
- Abdul Halim Mat Yusop & Maya Idura Sabar. 2013. Pengurusan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) oleh Yayasan Waqaf Malaysia, Putrajaya. Temu bual, 8 Oktober.
- Abdul Rahman Abdullah, 2014. Pengurusan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) oleh Masjid At-Taqwa, Kepala Batas, Pulau Pinang. Temu bual, 31 Mac.

- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud & Che Zuina Ismail. 2008. Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan Umat Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2(2): 25-62.
- Ahmad Zaki Ibrahim. 2009. Institusi al-Azhar: Keunggulan pengurusan dana wakaf dalam sejarah tamadun Islam. Kertas kerja Seminar Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah, Putrajaya, 22 Disember.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan wakaf dalam membangunkan ekonomi Umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1): 113-152.
- Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper. 2007. Cash awqaf in the Ottoman as philanthropic foundations and their accounting practices. Kertas kerja The Fifth Accounting History International Conference, Banff, Alberta, Canada, 9-11 Ogos.
- Ezzat Abouleish. 1979. Contribution of Islam to medicine. *The Journal IMA* (June 1979): 28-45.
- Farhana Mohamad Suhaimi, Asmak Ab Rahman & Sabitha Marican. 2014. The role of share waqf in the socio-economic development of the Muslim community: The Malaysian experience. *Humanomics* 30 (3, 2014): 227-254.
- Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman. 2018. *Pembiayaan Pembangunan Negara Menerusi Wakaf*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. ISBN: 978-983-488-013-2.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2014. Senarai hotel wakaf. <http://www.jawhar.gov.my/index.php/ms/senarai-hotel-wakaf> [14 Ogos 2014].
- M. Jandra Moh. Janan. 2008. Memproduksi wakaf: Pengalaman di Indonesia. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf* 2008, 419-452.
- Mochammad Arif Budiman & Dimas Bagus Wiranata Kusuma. 2011. The economic significance of waqf: A macro perspective. Kertas kerja The 8th International Conference on Tawhidi Methodology Applied to Islamic Microenterprise Development, Jakarta, 7-8 Januari.
- Mohd Azrul Ismail. 2014. Pengurusan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Kuala Lumpur. Temu bual, 28 Januari.
- Mohd Huzairi Hamdan dan Shahrul Ashraf Jamaludin. 2013. Pengurusan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Selangor. Temu bual, 25 November.
- Mohd Noor Ismail. 2013. Pengurusan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) oleh Masjid Felda Chiku 1, Kelantan. Temu bual, 26 Oktober.
- Mohd Yusof Yahya. 1999. Pengurusan wakaf di Perak. Dlm. *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, disunting oleh Nik Mustapha Nik Hassan, 65-104. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Monzer Kahf. 1998. Financing the development of awqaf. Kertas kerja seminar on development of awqaf, IRTI, Kuala Lumpur, 2-4 Mac. [http://monzer.kahf.com/papers/english/FINANCING\\_AWQAF.pdf](http://monzer.kahf.com/papers/english/FINANCING_AWQAF.pdf)
- Donna, D. R. & Mahmudi. 2007. The dynamic optimization of cash waqf management: An optimal control theory approach. Kertas kerja International Conference: Management from Islamic Perspectives, Kuala Lumpur, 2007.
- Murat Çizakça. 2000. *A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World from the Seventh Century to the Present*, draf ke-8. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Mustafayuddin Abd Halim. 2013. Pengurusan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), Johor. Temu bual, 7 November.
- Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari. 1999. Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 105-154.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 1999. Sumbangan institusi wakaf kepada pembangunan ekonomi dalam *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Ed. Nik Mustapha Nik Hassan, (Kuala Lumpur: IKIM, 1999), 1-16.
- Norsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf. 2009. Peranan Harta Wakaf dalam bidang Pembangunan dan Pendidikan Ummah: Fokus dalam bidang Perubatan. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 3(1): 2-30.
- Nur Ainul Basyirah Alias dan Ermy Azziaty Rozali. 2017. Establishment of health waqf institution (Fatih Hospital) in Istanbul in the year 1470CE. *Islamiyyat* 39(2): 153 - 164 .<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3902-07>
- Seman Jusoh. 2013. Pengurusan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) oleh Masjid Felda Chiku 7, Kelantan. Temu bual, 27 Oktober.
- Shakirah Mohamad. 2013. Pengurusan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) oleh Pejabat Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Kelantan. Temu bual, 27 Oktober.
- Siti Mashitoh Mahamood et al. 2009. Konsep dan aplikasi produk wakaf kontemporari di Malaysia: Saham Wakaf dan Wakaf Saham. Kertas kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009, Universiti Malaya, 10-11 Januari.

- Timur Kuran. 2001. The provision of public goods under Islamic law: Origin, contribution and limitation of the waqf system. *Law & Society Review*, 35 (4): 841-897.
- Uma Sekaran & Rogie Bougie. 2013. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. 6<sup>th</sup> edition. United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.
- Yayasan Waqaf Malaysia, dicapai pada 12 Ogos 2014, <https://www.ywm.gov.my/projek/dana/bazar>.
- Zainal Abidin Jaafar. 1999. Pengurusan wakaf di Wilayah Persekutuan: Amalan dan perancangan. Dlm. *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, disunting oleh Nik Mustapha Nik Hassan, 43-64. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Zuki, M. S. M. 2012. Waqf and its role in socioeconomic development. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 4(2): 173-178.

PENGARANG

Farhana Mohamad Suhaimi  
Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
78000 Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
Malaysia  
farhanams@usim.edu.my

Asmak Ab Rahman  
Jabatan Syariah dan Ekonomi  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
asmak@um.edu.my